



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (InnoSTRE)

ReQasari Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Pemukiman Bahagian Pentadbiran, Tadbir Urus, Pejabat Rektor, Unit Komunikasi Korporat dan Unit Pengurusan Kualiti Uitm Cawangan Sarawak

Disedikan oleh
Muhammad Abang

Bahagian Pentadbiran, Tadbir Urus, Pejabat Rektor, Unit Komunikasi Korporat dan Unit Pengurusan Kualiti Uitm Cawangan Sarawak telah menganjurkan retreat (pemukiman) bahagian berkenaan di salah sebuah pusat perangian di Lundu pada 15-17 Februari 2023 yang lalu. Ia disertai kira-kira 50 kakitangan yang bertugas di bahagian berkenaan termasuk Timbalan Pendaftar Kanan, Puan Umaira Othman Koya serta para pemandu.

Dalam ucapannya, Puan Umaira telah memberi penekanan terhadap empat perkara iaitu sentiasa menjaga etika sebagai penjawat awam dengan memastikan patuh waktu bekerja dan memastikan keberadaan. Perkara seterusnya adalah peka dengan persekitaran pekerjaan iaitu cepat memberi respon sekiranya terdapat maklum balas daripada pelanggan. Beliau juga mahu semua staf pentadbiran sentiasa menghargai pemegang taruh yang terdiri daripada pelajar dan pelanggan. Selain itu, beliau juga mahu staf

pentadbiran menjaga hubungan baik sesama mereka. Mereka perlu menerima kereka dalam kalangan staf yang pelbagai. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam retreat berkenaan kerana memberi komitmen yang baik di sepanjang retreat dan berharap ia dapat diteruskan dalam menjalankan tugas hakiki kelak.

Di antara aktiviti yang dijalankan sepanjang retreat berkenaan adalah mendaki Gunung Gading dan para peserta bertuah kerana berkesempatan melihat bunga Rafflesia yang kebetulan sedang berkembang mekar pada masa berkenaan. Aktiviti lain termasuk barbeku, karaoke serta sukaneka. Bagi aktiviti sukaneka, tempat pertama dimenangi oleh Kumpulan Oren di ikuti Kumpulan Merah di tempat kedua manakala Kumpulan Hijau & Kumpulan Biru masing-masing di tempat ketiga dan keempat.

